



## PEMBERITAHUAN

### **WAKTU OPERASI DI KAUNTER PEMBAYARAN PENGUNTUKAN RADAS DI IBU PEJABAT MCMC CYBERJAYA UNTUK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (*MOVEMENT CONTROL ORDER*)**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan kepada orang ramai dan pihak berkepentingan bahawa waktu operasi di Kaunter Pembayaran Penguntukan Radas di Ibu Pejabat MCMC di Cyberjaya akan dipendekkan daripada 9.00 pagi ke 4.00 petang kepada **9.00 pagi ke 12.30 tengahari**, untuk sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (termasuk tempoh lanjutan) seperti mana yang diumumkan oleh Kerajaan.

Selain itu, orang ramai boleh membuat urusan permohonan dan pembayaran penguntukan radas secara dalam talian seperti berikut:

- a. Permohonan penguntukan radas:
  - i. Permohonan boleh dikemukakan secara elektronik melalui <https://espectra.mcmc.gov.my/>; atau
  - ii. Bagi pemohon baharu, salinan *scan copy* borang permohonan yang telah dilengkapi boleh dihantar melalui e-mel kepada [espectra.support@mcmc.gov.my](mailto:espectra.support@mcmc.gov.my)
- b. Pembayaran penguntukan radas boleh dibuat melalui portal pembayaran <https://epayment.skmm.gov.my>

Bagi sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan penguntukan radas atau permohonan lesen, ianya boleh dikemukakan kepada:

- i. Penguntukan radas
  - a. Email : [espectra.support@mcmc.gov.my](mailto:espectra.support@mcmc.gov.my)
  - b. Telefon : **03-8688 8135/8130**
- ii. Pelesenan
  - a. Email : [licensing@mcmc.gov.my](mailto:licensing@mcmc.gov.my)
  - b. Telefon : **03-8688 8147/8201**

Sementara itu, operasi MCMC yang lain berjalan seperti biasa dengan kakitangan MCMC bekerja dari rumah.

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi Pengarah Kanan Bahagian Komunikasi Strategik, Shirley Tan di talian 019 3000 867 atau e-mel ke [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my). Segala kesulitan amat dikesali.